



---

---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PUP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

## Harga RTK antigen turun 87.7 peratus kejayaan KPDNHEP

**PUTRAJAYA** – Pengurangan sebanyak 87.7 peratus bagi harga RTK antigen kendiri yang kini serendah RM4.90 berbanding RM39.90 sewaktu mulá dijual di pasaran antara kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM).

Dalam tempoh kurang dua bulan, harga RTK antigen merekodkan penurunan dua kali sejak harga siling dikuatkuasakan September lalu iaitu selepas rundingan dan kerjasama antara KPDNHEP serta pengusaha peniagaan.

Menurut kenyataan KPDNHEP, kejayaan tersebut selaras AKM yang digariskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan merupakan satu daripada tiga indeks petunjuk prestasi (KPI) kementerian itu.

"Selari usaha ke arah membuka lebih banyak sektor ekonomi, kerajaan menggalakkan saringan kendiri dalam kalangan komuniti. Beberapa langkah strategik, termasuk memperluaskan penjualan kit (RTK) antigen kepada rangkaian premis peruncitan dan penetapan harga siling telah dilaksanakan.



**HARGA RTK antigen yang rendah mengurangkan beban kepada golongan kurang berkemampuan. – GAMBAR HIASAN**

"Cakna dengan keluhan pengguna terutama dalam kalangan B40 dan M40, kerajaan menerusi KPDNHEP bertekad untuk melipatgandakan usaha supaya harga RTK antigen ini dikurangkan lagi dan mampu dimiliki oleh semua ahli Keluarga Malaysia," katanya.

Susulan impak faktor persalingan, lambakan RTK antigen yang dijual di pasaran sehingga menjangkau 83 jenama dan pengeluar, maka KPDNHEP mengambil

pendirian tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini.

"Oleh itu, bersandarkan persalingan hebat ketika ini antara pembekal RTK antigen di pasaran, KPDNHEP menaruh kepercayaan bahawa mereka akan terus menurunkan harga yang ditawarkan kepada pengguna. Kementerian akan terus memantau perkara ini secara berkala," katanya.

## Franchise programme exceeds 100-day target

**KUALA LUMPUR:** The success of a Micro Franchise and Affordable Franchise Development Programme in giving a direct impact to at least 35 full and matching grant recipients to grow their businesses is among key benchmarks set by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry under a 100-day Aspirasi Keluarga Malaysia (Malaysian Family Aspiration) initiative.

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the programme acted as a "push factor" in strengthening the economy in stages, which has had a positive socio-economic impact.

"Although it has not been 100 days, we have reached more than 35 recipients according to the budget given to us, which is only RM4.5 million to develop this programme and provide assistance to them.

"Initially, we targeted 35 recipients but now, we have surpassed 37 and in a few days, maybe we can add more (recipients). So, this has surpassed our target, giving a 100% achievement," he said on Bernama TV's *Ruang Bicara* programme on Saturday night.

He said the LPG regulatory exemption in Sarawak under the Petroleum Development Act 1974 and the Control of Supplies Act 1961 as well as the approval for SEDC Energy Sdn Bhd to become a full-fledged oil and gas company, were among the ministry's KPI to boost the petroleum and gas industry, in line with the government's commitment to the Malaysia Agreement 1963.

"Regarding the regulatory exemption, we have given letters of appointment to relevant parties in Sarawak and this has also seen a 100% achievement."

"We are at the forefront in this matter to assist ministries and authorities in Sarawak to ensure that enforcement runs smoothly."

Nanta said the ministry also set a target to safeguard the rights and well-being of consumers in weathering the pandemic by lowering the ceiling price of Covid-19 antigen rapid test kits in the market.

"The price for the test kits are now much lower than the initial target. We initially wanted to put the maximum selling price of the kit at RM19.90 but now, the kit is being sold for about RM6 and the latest, RM4.90. So, even here, we have succeeded."

Nanta said the success was the result of a high level of commitment from the ministry and all officers involved, as well as the comprehensive implementation of planned strategies and mechanisms. - Bernama



**GREENS GALORE ...** A woman shopping at a wet market in Subang, Selangor yesterday. The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is keeping tabs on prices of goods, especially food and basic necessities, to prevent profiteering. - **ADIB RAWI YAHYA/THESUN**

## 100-day Malaysian Family aspiration target achieved early

**KUALA LUMPUR:** The success of the Micro Franchise and Affordable Franchise Development Programme having a direct impact on at least 35 full and matching grant recipients to grow their businesses is among the key benchmarks set by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry under the 100-day Aspirasi Kehuarga Malaysia (Malaysian Family Aspiration).

Its minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the programme acted as a "push factor" in strengthening the economy in stages, which

has had a positive socio-economic impact.

"Although it has not been 100 days (yet), we have reached more than 35 recipients according to the RM4.5mil budget granted to us to develop this programme and provide assistance to them.

"Initially we targeted 35 recipients, but now we have surpassed 37 and in a few days, maybe we can add more (recipients). So that has surpassed our target, giving a 100% achievement," he said on Bernama TV's *Ruang Bicara* programme on

Saturday night, as reported by Bernama.

Elaborating on the matter, he said the liquified petroleum gas regulatory exemption in Sarawak under the Petroleum Development Act 1974 and the Control of Supplies Act 1961, as well as the approval for SEDC Energy Sdn Bhd to become a full-fledged oil and gas company were among the ministry's key performance indicators to boost the petroleum and gas industry, in line with the government's commitment to the Malaysia Agreement 1963.

"Regarding the regulatory exemption, we have given letters of appointment to the relevant parties in Sarawak and that has also achieved 100%."

"We are at the forefront of this matter to assist the ministries and authorities in Sarawak to ensure that enforcement runs smoothly," he said.

Nanta said the ministry had also set a target to safeguard the rights and well-being of consumers in weathering the Covid-19 pandemic by lowering the ceiling price of

Antigen Rapid Test Kit (RTK) products in the market.

"The price of the test kit is now much lower than the initial target. We wanted to set the maximum selling price of the kit at RM19.90, but now the kit is being sold for around RM6 and the latest, RM4.90. So, even there, we have succeeded," he added.

He said the success was due to the commitment of the ministry and officers involved, and the comprehensive implementation of planned strategies and mechanisms.

# KPDNHEP lancar Ops Pasar (Sayur 2)

Susulan laporan kenaikan harga sayuran yang didakwa mencapai hingga 200 peratus

HULU TERENGGANU

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan Ops Pasar (Sayur 2) di seluruh negara mulai Sabtu.

Ia susulan laporan kenaikan harga barang makanan itu yang didakwa mencapai tahap hingga 200 peratus di pasaran.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat hari pertama, sebanyak 43 premis dan 131 jenis sayur seperti sawi, kacang buncis, brokoli dan cili merah telah diperiksa meliputi semua peringkat rangkaian pengedaran iaitu pembekal, pemborong dan peruncit di seluruh negara.

"Kementerian tidak pernah memandang ringan keluhan pengguna dan peniaga terhadap kenaikan harga barang di pasaran kerana kami juga mempunyai keluarga, saudara dan sahabat yang turut merasai tempias ini.

"Setakat semalam (Sabtu), KPDNHEP telah mengeluarkan 43 notis pengesahan maklumat bertulis dan 40 notis bertulis kepada peniaga bagi mendapatkan pengesahan sama ada wujud unsur pencatutan atau ambil untung ber-



Rosol (tengah) ketika ditemui pada program kempen keselamatan pengguna kerjasama Petronas dan KPDNHEP di Kuala Berang pada Ahad.

lebihan atas harga jualan sayuran," katanya ketika ditemui pada program kempen keselamatan pengguna kerjasama Petronas dan KPDNHEP di Kuala Berang pada Ahad.

Tambah Rosol, bagi notis pengesahan maklumat bertulis, peniaga diberi masa dua hari untuk menjawab manakala untuk notis bertulis, tempoh lima hari diperuntukkan untuk mendapatkan maklum balas.

"Pada masa sama, seramai 1,000 pegawai pemantau harga (PPH) ditugaskan untuk membuat pemantauan di 1,500 lokasi setiap hari bagi meninjau serta merekodkan perubahan harga sayur-sayuran di pasaran.

"PPH dan pegawai penguat kuasa kita memang turun padang setiap hari tanpa gagal untuk memantau harga barang di lapangan dan sentiasa melaporkannya sekiranya berlaku perubahan harga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, pihak Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd dijangka akan memberi maklum balas berhubung saranan kementerian kepada syarikat itu untuk menangguhkan sementara kenaikan harga roti pada Isnin.

Beliau berkata, saranan itu disampaikan kepada syarikat berkenaan dalam satu pertemuan pada Jumaat untuk mendapatkan justifikasi mengenai perubahan harga itu.

"Begitupun, kita juga sedang memikirkan mekanisme untuk membantu mereka (Gardenia (KL) Sdn Bhd) yang turut terkesan dengan peningkatan harga gandum.

"Kita seboleh-bolehnya mahu wujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak dan peniaga tidak perlu sampai tutup kilang sementara pengguna juga tidak terbeban dengan kenaikan harga," katanya. - Bernama

HARI : ISNIN  
TARIKH : 29/11/2021  
M/SURAT : 12

## KPDNHEP sasar 15,200 peniaga guna e-dompet menjelang 2022

**KAPIT** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan sejumlah 15,200 peniaga luar bandar di seluruh negara terlibat dengan model perniagaan secara digital atau e-dompet menjelang 2022.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagi mencapai sasaran itu, KPDNHEP dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memperluaskan lagi program Inisiatif Digital Peruncitan (ReDI) di setiap negeri.

"Program ini diadakan bagi memastikan peniaga kecil tidak ketinggalan dalam arus perdana dan membantu perniagaan kecil di kawasan pedalaman melibatkan diri menerusi model baru perniagaan secara digital," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Negeri Sarawak di sini pada Ahad.

Alexander berkata, berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan transaksi e-dagang telah melonjak hingga 30 peratus iaitu RM254.6 bilion pada suku pertama 2021.

"Berdasarkan rekod Bank Negara, penggunaan

e-dompet atau juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM600 juta pada 2020, berbanding tahun sebelumnya yang hanya mencatat sebanyak RM300 juta," katanya.

Alexander berkata, peningkatan ini amat signifikan dan memperlihatkan kadar penerimaan penggunaan transaksi tanpa tunai di negara ini.

Setakat ini, sejumlah 1,734 peniaga di daerah Kapit telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan pernyedia e-dompet.

"Di Pasar Teresang (sebuah pasar basah di Kapit) sahaja, sejumlah 27 peniaga telah mendaftarkan perniagaan mereka, ini menunjukkan perkembangan yang sangat memberangsangkan dan kita jangka jumlah ini akan meningkat."

"Pelaksanaan ReDI ini juga dilihat mampu memberikan satu momentum kepada agenda digitalisasi negara terutama untuk pemain industri sektor peruncitan," katanya.

Pada majlis itu, Alexander turut mengumumkan sumbangan e-dompet bernilai RM50 setiap satu kepada lebih 400 belia serta peniaga di daerah Kapit yang menggunakan transaksi aplikasi itu. - Bernama



Alexander (kanan) ketika turun padang berterima kasih selepas Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Negeri Sarawak di Kapit pada Ahad.

## Bantuan kewangan serap kos stabilkan harga

**PETALING JAYA:** Kerajaan sudah merangka usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong dalam memastikan peningkatan harga barang keperluan asas dapat distabilkan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dalam satu kenyataan memaklumkan, satu perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berhubung perkara itu.

Menurut kenyataan itu, perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam sesi temuramah program Ruang Bicara: Aspirasi Keluarga Malaysia disiarkan di Bernama semalam.

"Beliau berkata susulan perbincangan telah diadakan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak

Hadapi kenaikan harga barang antara 30-200 peratus tahun depan

## Rakyat perlu sedia

Oleh AZRI ABDULLAH  
akzri@utusanm.com.my

**PETALING JAYA:** Rakyat perlu siap perlu berusaha bersekutu dengan kerajaan bantuan harga barang yang dikenakan sekitar 30-200 peratus meningkatnya kos barang keperluan asas pada awal tahun depan.

Sesama barang keperluan yang ditambah menghadapi ketidakpastian maklumat maklumat kerajaan sehingga ini juga naik

selepas beroperasi kepada ahli tumpuan kerajaan dan pengeluar barang keperluan asas.

Rakyat juga boleh yang tidak mampu atau juga diperlukan akhir akhir ini untuk mendapat penyelesaian yang mudah dan pantas.

Rakyat juga boleh yang tidak mampu atau juga diperlukan akhir akhir ini untuk mendapat penyelesaian yang mudah dan pantas.

berkepentingan berkaitan isu kenaikan harga barang segera sayur, ayam dan telur.

"Usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong sudah dirangka," kata kenyataan berkenaan.

Menurut kenyataan itu, fokus pihaknya kini adalah untuk memastikan harga barang keperluan asas yang ketika ini mencatatkan peningkatan, dapat distabilkan menerusi mekanisme tertentu.

Pengurangan RTK sejak beberapa hari lalu akibat pengaruh faktor ekonomi dunia yang menyebabkan harga barang keperluan asas turun.

Bersamaan dengan itu, Presiden Persekutuan Pengguna Seluruh dan State, Alim (Cikgu), Sasteri Dr. Azizah binti Mohd Yusof berkata, kerajaan sepadan dengan hadir gaji minimum menerusnya dalam kemasukan keperluan asas yang akan dimulai pada 1 Januari 2022.

Menurut beliau, sebagaimana

peraturan RTK sejak beberapa hari lalu akibat pengaruh faktor ekonomi dunia yang menyebabkan harga barang keperluan asas turun.

Bersamaan dengan itu, Presiden Persekutuan Pengguna Seluruh dan State, Alim (Cikgu), Sasteri Dr. Azizah binti Mohd Yusof berkata, kerajaan sepadan dengan hadir gaji minimum menerusnya dalam kemasukan keperluan asas yang akan dimulai pada 1 Januari 2022.

Menurut beliau, sebagaimana

Dalam perkembangan lain, kementerian memaklumkan penurunan harga kit ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 adalah antara tiga petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan oleh pihaknya kini sudah melakar pencapaian 100 peratus.

Menurut kenyataan itu, harga RTK antigen merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan, sejak harga siling dikuatkuasakan pada Sep-

tember lepas.

"Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, iaitu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal iaitu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran.

"Susulan impak faktor persaingan, lambakan RTK antigen yang dijual di pasaran sehingga menjangkau 83 jenama dan pengeluar berdasarkan maklumat Pihak Berkusa Peranti Perubatan (MDA) setakat 24 November. Maka kementerian mengambil pendirian bahawa tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini," kata kenyataan sama.

Selain penurunan harga ujian kit sendiri, dua pencapaian lain adalah berkaitan Sarawak iaitu pengecualian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974 dan Akta Kawalan Bekalan (CSA) 1961 masing-masing di bawah bidang kuasa kementerian berkenaan dan memastikan kemampaman industri francais.

**UTUSAN**  
Malaysia  
27  
NOVEMBER  
2021

# KPDNHEP bincang rangka mekanisme stabil harga

Salur bantuan kewangan bagi serap kenaikan kos peringkat pengeluar, pemborong

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan harga barang keperluan asas distabilkan menggunakan mekanisme tertentu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sudah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berkaitan kenaikan harga sayur, ayam dan telur.

"Usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong juga sudah dirangka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Media sebelum ini melaporkan seluruh negara menyaksikan peningkatan harga barang keperluan harian, peralatan binaan, input pertanian dan makanan yang memberi kesan kepada pelbagai pihak di peringkat pembekal, kontraktor, peniaga serta pengguna.

Alexander berkata, fokus untuk menstabilkan harga barang



Peniaga Pasar Pagi Ampangan, Seremban, Mila Osman menyusun barang jualan ketika tinjauan kenaikan harga barang terutama sayur, semalam.

(Foto BERNAMA)

itu dilaksanakan oleh keretapiannya selepas tiga petunjuk prestasi utama (KPI) yang digarisbawahi oleh KPDNHEP sudah melakar pencapaian 100 peratus.

Tiga KPI itu membabitkan isu berkaitan Sarawak iaitu pencucian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961; menurunkan harga kit ujian pantas (RTK) antigen dan memastikan kemampaman industri francais.

Mengenai penurunan harga kit RTK, Alexander berkata, ini selari dengan langkah membuka lebih banyak sektor ekonomi berteraskan pendekatan yang

selamat dengan menggalakkan saringan secara kendiri.

"Beberapa langkah strategik, termasuk memperluas penjualan kit RTK antigen kepada rangkaian premis peruncitan dan penetapan harga siling sudah dilaksanakan.

"Cakna dengan keluhan pengguna, terutama dalam kalangan B40 dan M40, kerajaan menerusi KPDNHEP bertekad untuk melipatgandakan usaha supaya harga RTK antigen ini dikurangkan lagi dan mampu dimiliki oleh semua ahli Keluarga Malaysia.

"Bersandarkan rundingan dan kerjasama antara di KPDNHEP serta pengusaha perniaga-

aan, harga RTK antigen secara kendiri didapati merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan sejak harga siling dikuatkuasakan September lalu," katanya.

Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, iaitu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal iaitu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran.

Susulan faktor persaingan, katanya, RTK antigen yang dijual di pasaran menjangkau 83 jenama dan tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini.

# Isu harga barang yang tak berkesudahan



ANALISIS  
MUKA 16

RUBIAH OMAR

**S**ejak kebakaran ini, isu kenaikan harga barang terutamanya bahan mentah termasuk ayam, sayur dan telur ayam sekali gus menjadi antara topik yang hangat diperkatakan di media sosial.

Kenaikan harga barang keperluan utama dapur ini sememangnya sangat memerlukan pengguna kerana harga barang yang dijual ketika ini selalunya berlaku pada musim perayaan sahaja.

Penulis berkesempatan bertanya kepada beberapa peniaga ayam di sekitar daerah Hulu Terengganu dan dimaklumkan bekalan ayam tidak mencukupi di pasaran sehingga mereka terpaksa ‘berebut’ sesama sendiri hanya untuk mendapatkan bekalan sehingga terpaksa menjual dengan harga mahal.

Penulis bukan sekadar bertanya-kannya permasalahan ini kepada peniaga runcit, malah turut bertanyakan kepada pemborong ayam dan jawapan sama turut diberikan mereka. Bekalan ayam tidak mencukupi sehinggaakan ada sebahagian daripada mereka terpaksa menutup cawangan kerana tidak ada ‘barang’ hendak dijual.

Sebelum ini juga, ramai pembekal ayam mendedahkan bahawa harga dedak yang mahal menyebabkan kenaikan harga daging ayam itu.

Jadi mahu tidak mahu dari peringkat penterak lagi mereka terpaksa menaikkan harga bagi menampung

kos operasi.

Namun bagi peniaga mereka tidak mahu tahu isu harga kenaikan dedak tetapi menggesa pihak berkaitan menangani masalah terbabit yang dilihat tidak berkesudahan.

Setiap kali harga ayam naik, meski ia dikaitkan dengan harga dedak yang meningkat. Skrip sama setiap tahun sehingga peniaga juga boleh mengakap jawapan daripada pembekal.

Diakui isu kenaikan harga barang mentah sudah berlaku sejak dulu lagi. Tidak kira kerajaan mana yang mendadikannya ini sering timbul. Yang menjadi mangsa adalah pengguna yang tiada pilihan. Mahu tidak mahu terpaksa juga membeli.

## Terbeban

Kenaikan harga barang mentah juga membebankan peniaga makanan yang terpaksa menaikkan kos kerana tidak mahu terus menanggung rugi.

Beberapa peniaga kedai makan yang ditemui penulis mengakui kenaikan bahan mentah boleh dikatakan hampir setiap bulan berlaku dan situasi ini secara langsung memberi kesan kepada mereka yang setiap hari memerlukan bahan mentah berkenaan.

Peniaga dalam dilema kerana jika mereka menaikkan harga makanan, pengguna akan terbeban. Namun jika mereka masih mengekalkan harga lama, dikhawatir perniagaan makanan mereka pula akan terjejas.

Secara peribadi, penulis berpendapat apa salahnya pihak terlibat mencari punca sebenar mengapa permasalahan ini masih berlaku memandangkan setiap kali diajukan mengenai perkara ini pasti skrip sama akan diulang sehingga masing-

masing sudah boleh menghafal jawapan yang bakal diterima mereka.

Mungkin pihak berkenaan boleh melakukan satu kaji selidik dengan pihak berkaitan bagaimana cara untuk mengatasi masalah harga dan bukannya setakat memberi jawapan sama setiap kali isu kenaikan harga barang berlaku saban tahun.

Namun tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam memantau harga barang mentah juga dipuji kerana pantas memberi maklum balas.

Sebagai contoh isu kenaikan harga roti jenama Gardenia yang dilaporkan akan meningkat bermula 1 Disember, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan, pihaknya akan menggil pihak syarikat itu untuk memperoleh maklumat mengenai punca kenaikan harga produk berkenaan.

Mengulas harga ayam dan sayur-sayuran, beliau berkata, peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import, kenaikan harga baja dan rancun merupakan antara punca yang menyumbang kepada kenaikan harga produk itu di pasaran ketika ini.

“KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam usaha mengawal harga jualan serta harga runcit khususnya di peringkat pengeluaran,” kata beliau.

Diharap pihak kementerian dapat menangani masalah ini daripada terus membebankan pengguna. Tidak mahu isu harga naik ini seperti lagu *Bangau oh bangau* yang tiada berkesudahan.

\* Rabiah Omar ialah wartawan Sinar Harian Terengganu

## Tangani isu kenaikan harga barang secara kolektif

**SHAH ALAM** - Ketua Penerangan Pas, Senator Ir Khairil Nizam Khrudin menggesa kerajaan menggabungkan agensi dan kementerian bagi menangani isu kenaikan harga barang yang mendadak secara kolektif.

Menurutnya, isu kenaikan harga barang tidak hanya tertumpu di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sahaja.

Beliau menyarankan kementerian yang boleh bekerjasama menyelesaikan isu tersebut ialah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Dalam

Negeri (KDN) supaya lebih banyak inisiatif serta tindakan penguatkuasaan bersepada dapat dirangka dan dilaksanakan.

"Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) juga dapat digerakkan untuk membantu dari segi pemantauan."

"Kerajaan terutama melalui MOF diharap dapat menambah subsidi dan memberi geran serta menawarkan pinjaman tanpa faedah sebagai insentif jangka panjang yang



KHAIRIL NIZAM

berterusan terhadap petani, penternak, peladang, nelayan serta pihak-pihak lain di bawah MAFI yang menjadi pemain utama dalam rantai-barangan keperluan kepada pengguna," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Ahad.

Khairil Nizam berkata, KPDNHEP dan agensi dibawah KDN juga boleh bekerjasama untuk terus memantau dan menguatkuasakan tindakan mengekang rapat kemungkinan manipulasi, monopolii, sorok barang, pencatutan, penyeludupan

dan sebagainya.

Beliau berharap, kerajaan dapat menumpukan strategi untuk mengurangkan penggantungan sumber makanan kepada negara luar yang masih berterusan melalui kawalan pasaran keperluan pengguna dalam negara.

"Ia dapat dilakukan melalui peranan kementerian lain yang fungsiya dapat menyumbang bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang dan makanan.

"Kesejahteraan Keluarga Malaysia perlu diutamakan kerana masih ramai rakyat yang terkesan dengan pandemik Covid-19 dan tidak mampu menerima kenaikan mendadak harga barang," ujarnya.

## Gardenia diminta tangguh naik harga roti

**HULU TERENGGANU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta syarikat pengeluar roti jenama terkenal, Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd. (Gardenia) menangguhkan dahulu hasrat menaikkan harga produknya berkuat kuasa 1 Disember ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan bebanan pengguna yang terus terhimpit dengan situasi peningkatan harga barang pada masa ini.

"Kelmarin, kita sudah berjumpa dengan pihak Gardenia bagi mendapatkan maklum balas dan justifikasi berhubung pengumuman kenaikan harga roti keluaran syarikat mereka.

"Pihak mereka dijangka memberi maklum balas mengenai saranan penangguhan itu, esok (hari ini)," katanya kepada pemberita selepas Kempen Keselamatan Pengguna di Stesen Minyak Petronas Kuala Berang, di sini, semalam.

Baru-baru ini, Gardenia mengumumkan kenaikan harga produknya susulan harga bahan mentah yang mahal termasuk tepung, tepung gandum penuh, lemak sayuran, serbuk koko, susu dan pembungkusan.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, KPDNHEP mengeluarkan sejumlah 83 notis kepada peniaga sayur-sayuran di seluruh negara pada hari pertama pelaksanaan Op Pasar yang bermula kelmarin.

Katanya, pemberian notis itu bertujuan mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan bagi barang seperti sawi, kubis bulat, kacang buncis, brokoli, cili merah, cili hijau dan bunga kubis.

# 'Harap Gardenia tangguh dulu naik 10 sen'

**Kuala Bergang:** Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan pengeluar produk roti Gardenia, Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd menangguh terlebih dahulu cadangan menaikkan harga roti di pasaran.

Sebelum ini, Gardenia Bakeries bercadang menaikkan harga produk roti pengeluaran syarikat itu berkuat kuasa 1 Disember ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya berharap Gardenia Bakeries prihatin dengan kesempitan hidup masyarakat sekarang.

"Walaupun menaikkan 10 sen sahaja, ia tetap memberi kesan

khususnya kepada pengguna B40.

"Oleh itu, KPDNHEP menyarankan pihak pengeluar produk roti itu untuk menangguh dahulu cadangan menaikkan harga roti di pasaran.

"Pelbagai alasan yang diberikan susulan cadangan kenaikan harga itu, termasuk kenaikan harga tepung gandum di pasaran," katanya ketika ditemui pada Kempen Keselamatan Pengguna Kerjasama Petronas dan KPDNHEP, di Stesen Minyak Petronas, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad,

Azrul Osman Rani.

Rosol berkata, pihaknya sudah berbincang dengan Gardenia Bakeries dan memberi cadangan penangguhan kenaikan harga itu.

"Gardenia Bakeries akan memberi jawapan selewat-lewatnya esok sama ada bersetuju membuat penangguhan harga atau sebaliknya.

"Kami akan cari satu jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah itu untuk kebaikan Gardenia Bakeries dan pengguna," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, kenaikan harga sayur di pasaran juga menjadi

perhatian KPDNHEP.

"KPDNHEP menjalankan Ops Pasar dalam menangani isu kenaikan harga sayur di pasaran.

"Setakat ini, 43 premis dan 131 barang diperiksa di seluruh negara dengan 43 Notis Pengesahan Maklumat Bertulis dan 40 Notis Bertulis dikeluarkan untuk mendapatkan maklumat harga barang daripada peniaga.

"Pemilik premis diberikan tempoh dua hingga lima hari untuk menjawab notis," katanya.

Beliau berkata, seramai 1,000 pegawai pemantau harga membuat pemantauan harga sayuran setiap hari di 1,500 premis di seluruh negara.

# Tangguh dulu!

**KPDNHEP harap Gardenia Bakeries tidak naikkan harga roti bermula 1 Disember depan**

Oleh Ahmad Rabiul  
Zulkifli  
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mnyarankan pengeluar produk roti Gardenia, Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd supaya menangguh terlebih dahulu cadangan menaikkan harga roti di pasaran mulai 1 Disember depan.

Timbalan Menterinya Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya berharap Gardenia Bakeries prihatin dengan kesempitan masyarakat sekarang.

"Walaupun menaikkan 10 sen saja namun ia tetap memberi kesan kepada pengguna B40.

"Oleh itu, KPDNHEP mnyarankan pengeluar produk roti itu untuk menangguhkan

dahulu cadangan menaikkan harga roti mereka di pasaran.

"Pelbagai alasan yang diberikan susulan cadangan kenaikan harga itu termasuk kenaikan harga tepung, gandum di pasaran," katanya ketika ditemui pada Kempen Keselamatan Pengguna Kerjasama Petronas dan KPDNHEP di sebuah stesen minyak di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad, Azrul Osman Rani.

Katanya, pihaknya sudah berbincang dengan Gardenia Bakeries dan memberi cadangan pe-

nangguhan kenaikan harga itu.

"Gardenia Bakeries akan memberi jawapan selewat-lewatnya esok (hari ini) sama ada bersetuju membuat penangguhan harga atau sebaliknya.

"Kami akan cari satu jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah itu untuk kebaikan Gardenia Bakeries dan pengguna," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, kenaikan harga sayur juga menjadi perhatian KPDNHEP dan sudah menjalankan Ops Pasar dalam menangani isu berkemaan.

"Setakat ini, 43 premis dan 131 barang diperiksa di seluruh negara dengan 43 Notis Pengesahan Maklumat Bertulis dan 40 Notis Bertulis dikeluarkan untuk mendapatkan maklumat harga barang dari pada peniaga," katanya.

**“ Kami akan cari satu jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah**

Rosol



## Negara berisiko berdepan krisis sekuriti makanan

**Kuala Lumpur:** Negara semakin berisiko berdepan krisis sekuriti makanan jika terus bergantung kepada bahan mentah dan pasaran luar negara.

Prof Madya Ts Dr Amuar Shah Bali Mahomed dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata ia terutama jika berlaku peningkatan mendadak atau ketertiban pengeluaran bahan mentah itu.

Pakar ekonomi itu berkata, kajian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jelas menunjukkan faktor kebergantungan kepada bahan mentah dan pasaran luar negara serta faktor cuaca antara punca kenaikan harga barang.

"Kerajaan perlu mengenal pasti alternatif kepada kebergantungan bahan mentah dan pasaran luar negara dengan memanfaatkan se-maksimum mungkin potensi yang ada di dalam negara.

"Ini untuk menghasilkan bahan mentah dalam negara yang bersesuaian dan mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah dan pasaran luar negara," katanya mengulas isu kenaikan harga barang ketika ini.

Beliau berkata, kenaikan harga barang dilihat membebankan rakyat yang ketika ini dalam proses pemulihan kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Katanya, Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia menujukkan peningkatan 2.9 peratus tahun ke tahun kepada 123.7 pada Oktober 2021 berbanding 120.2 pada bulan yang sama 2020.

"Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol.

"Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7 peratus), diikuti Terengganu (2.6 peratus), Pahang (2.5 peratus), Kelantan (2.4 peratus), Perak (2.4 peratus), Johor (2.2 peratus), Melaka (2.0 peratus) dan Negeri Sembilan, 1.9 peratus.

"Situasi semasa semakin meruncing apabila berlaku kenaikan harga ayam dan telur yang memberikan tekanan kepada peniaga dan pengguna," katanya.

Beliau berkata, banyak faktor lagi yang mempengaruhi kenaikan harga barang antaranya kenaikan bahan mentah, lebihan permintaan daripada penawaran dan kenaikan kos pengangkutan.

Katanya, ia memberikan kesan kepada kenaikan harga yang perlu diberi perhatian bagi mengelak berlaku krisis sekuriti makanan.

# Harga sayur dijamin kembali stabil

**Melaka:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan harga sayur, terutama yang diimport akan kembali stabil menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ke naikan harga ketika ini disebabkan beberapa faktor, namun ia berada dalam kawalan pihak terbabit.

Beliau berkata, MAFI bagaimanapun tidak mengesan berlaku kekurangan bekalan sama ada sayur import mahupun sayur tempatan.

"Kita mengesan kenaikan ini bermula Oktober lalu dan dijangkakan (harga) dapat distabilikan sehingga hujung tahun ini.

"Ketika ini kita dapati ada ke naikan di sesetengah tempat tetapi secara keseluruhannya ke naikan ini dapat dikawal, khususnya sayur import seperti brokoli dan kubis bulat," katanya.

Beliau berkata pada sidang media, semalam, selepas merasmikan Agroinvest MARDI 2021 yang turut dihadiri Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad berkata, dalam menaungi situasi itu kementeriannya bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, pihaknya juga sentiasa membuat pemantauan harga dan mengadakan perbincangan bersama KPDNHEP dalam memastikan harga terkawal serta bekalan mencukupi.

Beliau berkata, dalam tempoh ini, rakyat disarankan memilih sayur tempatan berbanding sayur import kerana ia satu daripada matlamat utama dalam mempromosikan penggunaan barang tempatan.



Ahmad Hamzah (kiri) menunjukkan buku keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada perasmian Agroinvest MARDI 2021, semalam. (OHTW) 29/11/2021 (Foto BERNAMA)



AHMAD (dua dari kanan) semasa ditemui pada Program AgroInvest MARDI 2021 di Banda Hilir, Melaka semalam.

Bekalan sayur import China kurang kerana cuaca sejuk

## Rakyat disaran makan sayur tempatan

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA — Rakyat disaran untuk makan sayur tempatan sehingga hujung tahun ini susulan harga sayur import dijangka terus meningkat sepanjang tempoh tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia berikutkan jumlah bekalan sayur import termasuk dari China telah berkurangan akibat negara itu mengalami cuaca sejuk melampau.

Katanya, dalam tempoh ini rakyat disarankan untuk membeli sayur tempatan berbanding hasil import yang mengalami kenaikan mendadak mencecah RM4 sekilogram.

"Susulan kekangan cuaca hujan tidak menentu dalam negara dan China mengalami cuaca sejuk melampau, bekalan sayur import mengalami penyusutan.

"Sejak Oktober lalu, kita mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran import ini termasuk brokoli dan kubis bulat, jadi ini adalah masa terbaik untuk kita mempromosikan penggunaan sayur tempatan," katanya.

Turut hadir, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Jelasnya, bagaimanapun

harga sayur-sayuran itu masih dalam kawalan dan dijangka dapat distabilkan menjelang hujung tahun ini.

"Bagi menangani situasi ini kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan bekalan dan kualiti barang terjamin," katanya.

Sementara itu, di **Hulu Terengganu**, Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, sebanyak 83 notis dikeluarkan KPDNHEP terhadap peniaga sayur di seluruh negara pada hari pertama pelaksanaan Ops Pasar kelmarin.

"Kesemua peniaga terlibat telah diberi tempoh dua hingga lima hari bagi menjawab notis berkenaan," kata beliau.

## Harga sayuran PKPS dijamin kekal rendah, berpatutan

**SHAH ALAM:** Perbadanan Kemanduan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan harga jualan produk sayur-sayuran pihaknya masih kekal pada kadar yang berpatutan.

Sayuran itu antaranya sawi hijau, brokoli, cili, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya mempunyai mekanisme kawalan harga berikut

ladang di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

"PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Selangor akan terus memikirkan kaedah membantu rakyat terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Justeru, kita memberi jaminan bahawa harga produk sayuran PKPS masih rendah dan berpatutan kepada pengguna,"

katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini ada kaitan dengan peningkatan harga bahan dan racun di pasaran dunia.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara itu dimaklumkan pada sesi libat urus antara kementerian bersama Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kelmarin.

Terdahulu, sebuah infografik mengenai harga sayuran naik sebanyak RM2 sehingga RM12 sekilogram ménimbulkan rasa geram dan marah warganet.

Dalam infografik itu, harga pasaran kubis bunga naik sebanyak RM8 iaitu daripada RM7 kepada RM16 per kilogram (kg), manakala harga sayur brokoli

pula naik RM12 per kg daripada harga asal RM8 kepada RM20.

Jelas Mohamad Khairil, PKPS turut akan melancarkan kempen jualan mega jimat bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat akses sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, kita akan menjual sayur pak choy hanya RM3.50 per kg berbanding harga pasaran iaitu RM9, manakala kacang buncis dijual RM6 per kg daripada RM15.

## Empat notis kepada peniaga sayur di Pahang

**KUANTAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang mengeluarkan empat notis terhadap peniaga sayur ketika Ops Pasar pada Sabtu.

Pengaranya, Datuk Mark Ujin berkata, notis pengesahan maklumat barang di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 itu dikeluarkan susulan kenaikan harga sayuran di negeri ini.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati kenaikan harga melibatkan sayur import.

"Kebergantungan terhadap bekalan sayur import di Pahang terlalu tinggi iaitu mencecah 70 peratus berbanding hanya 30 peratus sahaja permintaan pengguna untuk hasil ladang tempatan di negeri ini.

"Kita akui bekalan sayur-sayuran tempatan terjejas disebabkan faktor perubahan cuaca negara ketika ini tetapi ia tidak menyumbang kepada kenaikan harga sayur yang melampau di pasaran," katanya dalam satu kenyataan pada

Ahad.

Beliau menjelaskan bekalan sayur import kebanyakannya diperoleh melalui Pasar Borong Selayang.

Tambahnya, hasil tuaian di ladang sayur tempatan juga memasuki peringkat akhir tanaman dan tiada tanaman semula sehingga tamat musim tengkujuh.

"Kita juga dimaklumkan berlaku masalah kekurangan pekerja di ladang sayur tempatan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain pembukaan semula sektor sosial telah melonjakkan permintaan sayur berbanding penawaran bekalan," katanya.

Mark memaklumkan, pihaknya akan terus menjalankan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan di semua lokasi penjualan dan perbekalan sayur-sayuran.

Beliau turut mengingatkan peniaga agar tidak menangguk di air keruh dan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan kerajaan bagi memastikan keselamatan perdagangan di negeri ini.

## Govt checking on prices of vegetables nationwide

**KUALA TERENGGANU:** Nationwide checks are being conducted by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry following claims that vegetable prices had risen by as much as 200%.

Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said 43 premises and 131 types of vegetables such as choy sum (sawi), beans, broccoli and red chillies were inspected yesterday.

According to Bernama, he said the inspections covered all levels of

the distribution network, including suppliers, wholesalers and retailers.

"The ministry has never taken complaints of consumers and traders on the increase in the price of goods in the market lightly because we also have families and friends who are feeling this reper-

cusson.

"The ministry has issued 43 information verification notices and 40 notices to traders to confirm wheth-

er there is an element of profiteering or taking excessive profits from the sale of vegetables," he said when met at a consumer safety campaign programme in Kuala Berang yesterday.

Rosol added that the traders were given two days to respond, while for written notices, a period of five days was allocated to obtain feedback.

At the same time, he said a total of 1,000 price monitoring officers

were assigned to monitor 1,500 locations daily to review and record changes in vegetable prices in the market.

In a separate development, Rosol, who is also Hulu Terengganu MP, said Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd was expected to respond to the ministry's call to temporarily postpone the increase in bread prices from Wednesday.

He said the recommendation was conveyed to the company in a meet-

ing on Friday to seek justification for the price change.

"We are also thinking of mechanisms to help them (Gardenia), who are also affected by the increase in wheat prices, which has led to the increase in bread prices.

"We want to create a win-win situation for both parties, where traders do not have to close the factory while consumers are not burdened with a price increase of even 10 sen," he said.

## Pelanggan terkedu kailan ikan masin berharga RM18

Oleh SYALMIZI HAMID

**SEBERANG PERAI** – Selepas tular harga ikan siakap kaya-nagan dan sotong di media sosial, kini kecoh pula isu harga masakan kailan ikan masin.

Kejadian itu didakwa berlaku di Kepala Batas di sini apabila seorang pelanggan di sebuah restoran terkedu apabila mendapat, sebungkus masakan kailan ikan masin bagi seorang makam berharga RM18.

Isu tersebut tular di media sosial selepas resit bayaran berserta gambar menu berkenaan dikongsi oleh seorang individu dipercayai pelanggan tersebut yang dimuat naik menerusi satu akaun Facebook semalam.

"Kita sedia maklum barang mentah naik harga (sekarang). Harga (ikan) jenahak, sayur campur, ulam dan sambal, tak-palah kita terima dengan reda.

"Tetapi kailan ikan masin yang sikit dan hanya boleh dimakan untuk seorang sahaja berharga RM18, memang sukar untuk diterima. Bagaimanapun, nak buat macam mana, kena

reda," ujar pelanggan yang tidak mendedahkan identitiinya itu.

Menurut posting berkenaan, menu itu didakwa dibeli di sebuah restoran dengan bil keseluruhan yang perlu dibayar sebanyak RM122.

Bil tersebut memaparkan harga lauk ikan jenahak sebanyak RM90, kailan ikan masin (RM18), sayur campur (RM9) serta ulam dan sambal (RMS).

Sementara itu, jurucakap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang ketika dihubungi memberitahu, pihaknya meminta pembeli yang membuat dakwaan itu untuk tampil melakukan aduan.

Menurut jurucakap itu, pihaknya sedang mendapatkan maklumat mengenai pengadu dan premis terbabit bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

"Kami perlukan pengadu tampil membuat aduan dan KPDNHEP Pulau Pinang akan melakukan siasatan untuk dapatkan nama premis terbabit," ujarnya.



GAMBAR yang dimuat naik di Facebook oleh seorang pelanggan yang terkejut melihat sebungkus hidangan kailan ikan masin berharga RM18.

## Pelanggan kailan ikan masin RM18 diminta buat laporan

**Kepala Batas:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang meminta pelanggan sebuah restoran di Kepala Batas di sini, tampil membuat aduan rasmi berhubung hantaran

di media sosial mengenai hidangan kailan ikan masin berharga RM18.

Jurucakapnya berkata, KPDNHEP memerlukan kerjasama pelanggan itu supaya tindakan lanjut dapat dilakukan.

"Kita sudah ambil maklum dengan hantaran tular ini dan kini kita sedang menjalankan siasatan untuk mendapatkan nama premis itu," katanya.

Menerusi hantaran di Facebook (FB) itu, pelanggan

berkenaan memuat naik resit memaparkan harga keseluruhan makanan sebelum ia tular. Dalam hantaran itu, individu terbabit terkejut apabila sebungkus kailan ikan masin dijual pada harga RM18.

# 'Mahalnya sayur kailan ikan masin'

Perkongsian harga oleh seorang pelanggan jadi tular di media sosial

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Tular di media sosial harga sebungkus masakan sayur kailan ikan masin dijual pada harga RM18 di sebuah restoran di Kepala Batas, di sini pada Ahad.

Perkongsian itu dibuat seorang pelanggan di media sosialnya yang mendakwa harga masakan bagi seorang makan yang dibelinya itu terlalu mahal.

Pelanggan berkenaan memuat naik gambar sayur kailan ikan masin yang dibeli berserta resit pembayaran yang memaparkan harga RM18 bagi sebungkus



Item	Qty/Unit	Price	Amount
<b>Order details:</b>			
KUEHMAH	1 Portion	36.00	36.00
KAILAN IKAN MASIN	1	18.00	18.00
sayur campur	1	9.00	9.00
ULAM S SAMBAL	1 Portion	5.00	5.00
			122.00
Sub Total			122.00
Roundoff			0.00
<b>Total</b>			<b>122.00</b>
<b>Grand Total</b>			<b>122.00</b>
Cash Received			122.00
Change			0.00

Resit menunjukkan harga sayur kailan ikan masin RM18.

sayur tersebut.

Resit berkenaan turut memaparkan harga lauk ikan jenahak RM90, kailan ikan masin (RM18), sayur campur (RM9) serta ulam dan sambal (RMS) dengan nilai keseluruhan RM122.

Bagaimanapun, nama restoran tidak didedahkan individu berkenaan.

Perkongsian pelanggan tersebut mendapat perhatian ramai sehingga tular di laman sosial pada Ahad yang rata-rata mendakwa harga tersebut mahal.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang meminta pelanggan berkenaan tam-pil membuat aduan rasmi.

Jurucakapnya berkata, KPDNHEP memerlukan kerja-sama pelanggan itu supaya tindakan lanjut dapat dilakukan.

"Kita sudah ambil maklum dengan hantaran tular ini dan kini kita sedang menjalankan siasatan untuk mendapatkan narma premis itu," katanya.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : ISNIN  
TARIKH : 29/11/2021  
M/SURAT : 16

	• Ayam RM6.49	• Telur Gred A RM12.30	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM11.97
Senarai Harga Barang Keperluan	• Daging Lembu Tempatan RM35	• Ikan Kembung RM10.99	• Bawang Besar Holland RM2.99	• Kubis Bulat Tempatan RM4.99
	• Daging Lembu Import RM15.50	• Minyak Masak RM6.40	• Bawang Putih RM5.50	• Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)**

---

---

**29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

## Daftar perniagaan untuk nikmati insentif

**Kapit:** Pemilik perniagaan termasuk perniagaan kecil dan sederhana di negeri ini disarankan mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) supaya layak menikmati kemudahan dan insentif yang disediakan kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, segelintir peniaga mengeluh kerana tidak menikmati kemudahan kerajaan namun selepas diteliti mereka didapati tidak mendaftar dengan SSM.

Justeru, katanya, beliau memahami keluhan kelompok peniaga di negeri ini yang mengutarkan keresahan kerana tidak menik-

mati manfaat dan insentif untuk golongan peniaga yang disediakan oleh kerajaan.

"Kegagalan mendaftar perniagaan dengan SSM menyebabkan ada komuniti peniaga tercincir daripada inisiatif ini yang dilaksanakan secara automatik berdasarkan pangkalan data perniagaan SSM," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Penutup Karnival Advokasi Kepenggunaan Belia bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Kapit Town Square di sini, kelmarin.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.